

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

ACIS

Syaaban 1445/ Februari 2024

Terima Kasih Ustazah Norlela Kamaluddin

Isu Fitnah dan Khobar Angin di sebalik Peristiwa Perang Bani Al-Mustaliq

PUISI TRADISIONAL: Kelangsungan Keindahan Bahasa dan Adab Melayu

Ibadah dalam Masyarakat: Polemik yang tidak berkesudahan

PUISI: Persuratan Rentak Lisan

Pensyarah ACIS Berjaya Merangkul Naib Johan Dalam Musabaqah
Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan 2024

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Pensyarah ACIS merangkul Naib Johan Dalam Musabaqah Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sembilan 2024

Oleh:

Nor Saadah Musa

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban



Pada 13-15 Februari 2024 bersamaan 3-5 Syaaban 1445H yang lepas, Ustazah Nor Saadah bt Musa, pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban telah menyertai musabaqah tilawah dan hafazan al-Quran peringkat Negeri Sembilan. Alhamdulillah beliau telah dinobatkan sebagai naib johan kategori tilawah perempuan dewasa. Program telah berlangsung di Pusat Dakwah Islamiyah (PDI), Paroi.

Perasmian majlis dan penyampaian hadiah telah diperkenankan oleh Yamtuan Besar Negeri Sembilan diiringi oleh Menteri Besar Negeri Sembilan. Majlis musabaqah tilawah dan hafazan al-Quran ini merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri/ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAIN/JAKIM) menerusi penyertaan di peringkat zon/daerah dan negeri terlebih dahulu. Johan setiap peringkat akan mewakili negeri dan negara ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa

Pengalaman dan peluang untuk menambah kemahiran al-Quran menerusi musabaqah tilawah al-Quran ini merupakan peluang yang sangat berharga dan bernilai terutamanya bagi mereka yang cintakan kesenian membaca al-Quran secara bertarannum. Pihak penganjur menyediakan peluang seluas-luasnya untuk para peserta memperhalus ilmu tarannum bil Quran ini dengan menyediakan tenaga pakar dalam bidang suara dan tarannum dalam kalangan Qari dan Qari'ah tempatan yang pernah menjadi johan antarabangsa dan berpengalaman sebagai hakim tilawah peringkat negeri dan kebangsaan.

Moga sedikit pencapaian ini menjadi pemangkin semangat untuk lebih maju dan berjaya dalam bidang al-Quran di peringkat seterusnya. Program seperti ini juga seharusnya menjadi galakan buat masyarakat untuk lebih mendampingi dan mencintai al-Quran terutamanya dalam kalangan generasi muda insya-Allah.